



# Agong, Raja Permaisuri berangkat ke majlis santapan sambutan 100 tahun UPSI

Disember 1, 2022 @ 11:35pm



Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berkenaan melancarkan setem komemeratif 100 tahun UPSI dengan kerjasama POS Malaysia dan syiling edisi khas dengan kerjasama Bank Negara Malaysia sempena Majlis Makan Malam Kemuncak Sambutan 100 Tahun UPSI malam ini. - NSTP/ ROSMAN SHAMSUDIN

TANJONG MALIM: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenaan berangkat ke Majlis Santapan Seluruh Budi Sekalung Kasih dan melancarkan setem serta syiling komemoratif 100 tahun Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Dewan Tuanku Canselor UPSI, di sini malam ini.

Keberangkatan tiba baginda bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada jam 8.50 malam disambut pihak pengurusan UPSI dan lebih 600 tetamu.

Setem komemoratif 100 tahun UPSI hasil kerjasama universiti itu dengan Pos Malaysia, sementara syiling edisi khas membabitkan kerjasama dengan Bank Negara Malaysia.

Setem edisi khas itu mempunyai seni reka bentuk tersendiri yang menampilkan ilustrasi Bangunan Suluh Budiman yang terletak di Kampus Sultan Abdul Jalil Shah sebagai monumen ikonik UPSI, sementara syiling edisi khas bernilai RM1 dan RM10 mempunyai logo komemoratif 100 tahun UPSI dan logo universiti itu.

Turut berkenan berangkat ke majlis itu Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani dan Naib Canselor UPSI Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff turut hadir.

Md Amin dalam sembah ucapannya menjunjung kasih atas kesudian Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, selain Sultan Perak dan Raja Permaisuri Perak mencemar duli berangkat ke majlis itu.

Majlis diadakan bersempena sambutan ulang tahun ke-100 UPSI sejak penubuhannya pada 1922 bermula sebagai Sultan Idris Training College (SITC) kepada Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada 1957 dan Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) pada 1987 sebelum dinaik taraf kepada UPSI pada 1997. – BERNAMA